

SULIT
3755/2
PERDAGANGAN
KERTAS 2
OKTOBER
2003
1 JAM

3755/2

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2003

TINGKATAN EMPAT

PERDAGANGAN

KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

- 1. Kertas soalan ini mengandungi enam soalan.*
- 2. Jawap mana-mana empat soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

Jawab mana-mana empat soalan

1. a) Apakah maksud sistem barter? [4 markah]
 b) Terangkan masalah yang dihadapi dalam mengamalkan sistem barter? [6 markah]
 c) Hotel Makmur Seri merupakan sebuah hotel bertaraf tiga bintang yang baru didirikan. Terangkan bagaimana perdagangan membantu memajukan hotel tersebut. [15 markah]
2. a) Terangkan perbezaan antara perdagangan dengan perniagaan. [8 markah]
 b) 'Pengeluaran adalah satu proses penciptaan nilai faedah'. Jelaskan bagaimana proses penciptaan nilai faedah ini berlaku dalam menghasilkan sesuatu jenis keluaran. [8 markah]
 c) Syarikat Jaya Murni Sdn.Bhd. merupakan pengeluar jus minuman yang mengeluarkan dan mengedar jus berjenama 'SYRUP'. Terangkan bagaimana promosi dan bank dapat membantu menjayakan perniagaan tersebut. [9 markah]

3.

PEMBORONG UBAT AMYRA
 8,JALAN SELASIH 1
 30350 IPOH PERAK
 TEL. 05-3332222

Nota serahan : 102
 3 Mac 2003

Kepada
 Kedai Ubat Sihat
 Taman Ikhlas
 Langkap ,Perak

No pesanan

BIL	NO RUJUKAN	BUTIR-BUTIR	KUANTITI	HARGA	JUMLAH
1	U103	Ubat batuk Cap Orang Tua	2 dozen	RM90/doz	180
2	U504	Minyak angin Cap Kapak	5 dozen	RM60/doz	300
JUMLAH BESAR					480
DISKAUN NIAGA					48
JUMLAH BERSIH					432

Syarat : 5% 7 hari
 2% 30 hari
 Angkutan dibayar.
 E&OE (K&K.D.K)

&&

 (PENGURUS)

5. Tulis nota ringkas tentang perkara berikut :
- a) Tujuan dasar penswastan [5 markah]
 - b) Kebaikan perkongasian [7 markah]
 - c) Kebaikan mengambil alih perniagaan [5 markah]
 - d) Ciri-ciri syarikat awam berhad [8 markah]

- Berdasarkan petikan di atas :
- a) Terangkan masalah-masalah yang mungkin timbul semasa menjalankan perniagaan Antarabangsa. [12 markah]
 - b) Apakah tujuan kerajaan mengenakan duti import dalam perniagaan antarabangsa? [4 markah]
 - c) Senaraikan bantuan-bantuan kerajaan kepada pengeksport. [9 markah]

En. Ahmad ialah seorang peniaga perabot yang mendapat bekalan daripada pembekal tempatan. Beliau juga terlibat dengan perniagaan Antarabangsa dengan mengimport perabot Itali. Perabotnya di jual di dalam dan di luar negara.

4.

- Berdasarkan dokumen pada muka surat 1 :
- a) i) Namakan dokumen tersebut [1 markah]
 - ii) Terangkan tujuan ia dikeluarkan [2 markah]
 - b) Dalam keadaan manakah Syarikat Pemborong Ubat AMYRA akan menghantar nota debit kepada penghutangnya. [4 markah]
 - c) Kirakan kadar diskaun niaga yang diberikan [2 markah]
 - d) Jelaskan perbezaan antara diskaun niaga dengan diskaun tunai. [12 markah]
 - e) Terangkan maksud:
 - i) Angkutan dibayar [2 markah]
 - ii) E & OE (K&KDK) [2 markah]

6. Encik Mustaffa ialah seorang usahawan dalam sektor IKS, iaitu Industri Kecil dan Sederhana. Beliau mempunyai sebuah kilang yang mengeluarkan makanan dalam tin di Pulau Redang, Terengganu. Makanan dalam Tin yang dikeluarkan oleh kilang beliau menggunakan daging ikan sebagai bahan mentahnya. Kebanyakannya dibekalkan oleh komuniti nelayan di Pulau Redang yang mendapat sumber daripada hasil tangkapan ikan. Kemudian makanan dalam tin yang telah siap diproses akan diedarkan ke seluruh negeri Terengganu

Baru-baru ini Encik Mustaffa telah mengikuti satu latihan pengurusan yang diadakan oleh PDPN, iaitu Pusat Daya Pengeluaran Negara. Selepas latihan tersebut, beliau mula berfikir secara mendalam tentang perniagaannya. Beliau mendapati perniagaannya kurang berdaya maju kerana modal yang dimilikinya tidak mencukupi untuk mengembangkan operasi perniagaannya. Selain itu, Encik Mustaffa berpendapat bahawa beliau perlu mencari jalan untuk memperluaskan pasarannya agar tidak lagi dihadkan dalam negeri Terengganu sahaja.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan berikut :

- a) Bagaimanakah anda mendefinisikan IKS ? [3 markah]
- b) Terangkan tiga ciri utama sektor IKS . [9 markah]
- c) Selain PDPN, namakan tiga lagi agensi yang turut menyediakan latihan Pengurusan kepada pengusaha IKS. [3 markah]
- d) Berpandukan kes di atas, apakah masalah yang sedang dihadapi oleh Encik Mustaffa ? [2 markah]
- e) Bagaimanakah kerajaan dapat membantu Encik Mustaffa untuk menyelesaikan masalah tersebut ? [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT